

# UMP sumbang RM129,000 imarahkan Ramadan

Sinar Harian (Sentral) 19 Mei 2018 (Sabtu) h/s-24

**KUANTAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang RM129,000 kepada pengurusan masjid UMP untuk aktiviti masjid dan mengimarahkan Festival Ramadan tahun ini.

Sumbangan hasil dana tajaan perseorangan, badan korporat dan orang ramai menerusi inisiatif Endowment MyGift UMP yang dilancarkan universiti turut digunakan untuk pengurusan penyediaan juadah berbuka puasa (iftar), moreh dan sahur.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Ts Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, melalui sumbangan itu dapat membantu pengurusan masjid dalam mengimarahkan bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti bermanfaat kepada warga UMP.

Menurutnya, amalan berbuka puasa beramai-ramai di masjid sejak beberapa tahun lalu akan terus dilaksanakan memandangkan ianya sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada

mahasiswa dan kakitangan.

"Justeru sepanjang Ramadan ini, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) menganjurkan Festival Ramadan dengan pelbagai pengisian termasuk solat Tarawih, tadarus dan iftar jamaie," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis serahan sumbangan Tabung MyGift UMP kepada pengurusan masjid yang diwakili Pengarah Pimpin, Dr Mahyudin Ismail di Canselori Tun Abdul Razak, UMP, Pekan, semalam.

Sementara itu, Dr Mahyudin berkata, penyediaan juadah berbuka puasa masih mengekalkan konsep yang sama iaitu memasak mengikut jadual secara bergotongroyong oleh pihak jabatan atau fakulti dibantu mahasiswa.

"Juadah berbuka puasa disediakan untuk 1,400 pelajar manakala untuk juadah sahur disediakan kepada 200 hingga 300 pelajar di UMP Gambang dan Pekan," katanya.

Katanya, orang ramai yang berhasrat menyumbang untuk Tabung MyGift UMP boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman sesawang [mygift.ump.edu.my](http://mygift.ump.edu.my).

Daing Nasir Ibrahim menyampakan serahan sumbangan Tabung MyGift UMP kepada Mahyudin bagi menjalankan aktiviti masjid dan mengimarahkan Festival Ramadan tahun ini.

